

# Liberty Power pelaburan TNB

Oleh ABU HAKIM  
TANZIMUDDIN

UM 18 OCT 2002

**S**TESEN janakuasa Liberty Power di Pakistan yang dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini merupakan lambang kejayaan pelaburan besar pertama Tenaga Nasional Bhd. (TNB) di luar negara.

TNB telah melabur lebih RM1.6 bilion bagi menjayakan projek tersebut yang melalui banyak cabaran sebelum membuah hasil.

Presiden TNB, Datuk Pian Sukro ketika ditemu bual mengenai kejayaan tersebut berkata, ia merupakan satu perangsang kepada pihaknya dalam membuat pelaburan di luar negara.

Menurutnya, pelaburan bagi pembinaan stesen tersebut teretus hasil permintaan Perdana Menteri Pakistan, Benazir Bhutto yang meminta sokongan Malaysia untuk membangunkan sektor tenaga negara tersebut.

"Kita kemudiannya memulakan pembinaan stesen ini pada 1995 selepas menjalankan

semua kajian kesesuaian yang perlu dibuat untuk memastikan pelaburan ini berjaya membawa pulangan yang munasabah," katanya.

Menurut beliau, pada asalnya TNB hanya bercadang memegang 20 peratus kepentingan

# Kejayaan di luar negara

SEORANG pekerja menggunakan sistem teknologi maklumat untuk memastikan sistem bekalan elektrik berjalan lancar.

dalam projek tersebut manakala bakinya dipegang oleh sebuah agensi pembangunan komanwel beribu pejabat di London dan sebuah agensi penggalak pembangunan di Asia yang berpusat di Singapura di samping beberapa pihak lain.

Katanya, pelbagai perubahan yang berlaku di negara tersebut sepanjang tempoh pembinaan stesen gas yang mempunyai kapasiti penjanaan 470 megawatt itu menyaksikan rakan-rakan kongsi berkenaan menarik diri.

Menurut beliau, satu keputusan sukar telah dibuat yang menyaksikan TNB menjadi pemegang saham 100 peratus

dalam projek berkenaan.

"Pada peringkat permulaan ia merupakan satu pelaburan yang baik tetapi bertukar menjadi satu pelaburan menimbulkan tanda tanya tetapi kini ia kembali menjadi sebuah pela-

buran yang baik," katanya.

Pada setengah tahun berakhir 28 Februari 2002, Liberty Power menyumbang perolehan RM142.2 juta atau dua peratus daripada jumlah pendapatan kumpulan syarikat TNB. Janakuasa berkenaan mula beroperasi sejak September tahun lalu.

Menurut Pian, kejayaan pelaburan pertama di luar negara itu merupakan satu yang penting kepada TNB kerana ia menjadi perangsang di samping mengajar menjadi lebih berwaspada dan berhati-hati dalam membuat pelaburan di luar negara.

"Kejayaan ini diperoleh hasil kerjasama kerajaan Pakistan dan kerajaan Malaysia yang telah beberapa kali membantu kita mengatasi masalah-masalah yang timbul dari 1995 hinggalah ke hari ini," katanya.

Beliau menambah, TNB juga sedang menimbangkan untuk membuat pelaburan di bawah fasa kedua Liberty Power.

Menurutnya, pelaburan tersebut mungkin berbentuk penjualan ekuiti dalam fasa pertama yang sedia ada untuk dilabur di fasa kedua.

"Daripada asal lagi projek Liberty Power di rancang sebagai sebuah projek yang berdiri sendiri dan mampu membiayai segala perbelanjaan dari hasil yang diperoleh," katanya.

Menurutnya, kerajaan Pakistan sememangnya menggalakkan TNB mengusahakan fasa kedua projek tersebut dan TNB sedang menimbangkannya.